

Uchapan Y.B. Tan Sri Fatimah binte Haji Hashim, Menteri Kebajikan 'Am, Malaysia dalam Upacara Pembukaan Bangunan Tambahan Rumah Orang2 Tua Tampin, pada hari Rabu 31hb Mei, 1972 jam 12.45 Tengahari

Y.M. Tuan Pengerusi,  
Y.M. Tuan Pegawai Daerah, Rembau,  
Tuan2 dan Puan2,

Alhamdulillah, saya berasa shukor ka-hadzrat Illahi kerana dapat saya melawat sekali lagi Rumah Orang2 Tua Tampin ini. Semenjak lawatan saya yang lepas dalam bulan Januari 1970, ternampak ada-nya beberapa perubahan yang telah di-laksanakan oleh Jawatankuasa Majlis Pusat Kebajikan Daerah Tampin.

Melalui Kementerian saya tuan2 telah pun menerima bantuan sa-banyak \$12,000/- daripada Tabong Wang Amanah Loteri Kebajikan Masharakat. Dengan bantuan sa-banyak itu dapat-lah tuan2 membena sa-buah bangunan yang baharu yang di-gunakan sebagai bilek rehat dan bilek bacaan. Saya di-fahamkan sungguh pun bilek rehat ini sudah di-bena tetapi maseh belum ada sesiapa pun yang sanggup menderma sa-buah peti Talivishen. Saya menyeru kepada hartawan2 yang banyak ada di-negeri ini supaya bermurah hati menderma sa-buah peti Talivishen untuk hiburan orang2 tua yang tinggal di-Rumah ini.

Saya ucapkan tahniah kepada ahli2 Jawatankuasa Majlis Pusat Kebajikan Daerah Tampin kerana telah dapat menyenggarakan Rumah ini dengan memuaskan. Saya dapati Majlis Pusat Kebajikan Daerah Tampin memberi bantuan wang sa-banyak \$20/- sa-bulan bagi tiap2 penghuni yang tinggal di-sini. Bantuan ini ada-lah agak yang tinggi jika di-bandingkan dengan bantuan yang di-beri oleh Majlis2 Pusat Negeri2 lain kepada penghuni2 yang tinggal dalam Rumah Orang2 Tua Sukarela yang sa-umpama ini.

Untuk maaluman tuan2 dan puan2, ingin saya menerangkan ia-itu Majlis Pusat Kebajikan Tanah Melayu telah pun bersetuju mengambil alih tanggungjawab bagi menyenggarakan semua Rumah2 Orang2 Tua Sukarela yang ada di-Malaysia Barat. Pada masa ini satu pengkajian yang mendalam dan menyeluruh sedang di-jalankan untuk menyusun satu chara pentadbiran yang agak lebeh baik daripada yang ada sekarang bagi kepentingan dan kebajikan orang2 tua yang tinggal dalam Rumah Orang2 Tua Sukarela. Saya berpendapat perkhidmatan yang di-sumbangkan oleh Majlis Pusat Kebajikan Masharakat Tanah



Melayu kepada orang2 tua dalam Rumah2 Orang2 Tua Sukarela ada-lah mustahak untuk menokok perkhidmatan yang sama yang di-sediakan oleh Kementerian saya. Saya berharap taraf layanan yang di-beri kepada mereka patut-lah dapat di-perbaiki dan di-tinggikan lagi daripada masa ka-semasa supaya segala keperluan hidup orang2 tua yang tinggal di-Rumah Orang2 Tua Sukarela dapat di-penuhi dengan tidak payah mereka keluar mengemis ka-sana kemari untuk menambahkan nafkah hidup mereka.

Selain daripada bantuan daripada Kerajaan, Badan2 Sukarela, seperti Majlis tuan2 yang ada di-Tampin ini, hendak-lah berakhtiar mendapatkan bantuan daripada orang ramai. Saya sedar ia-itu tiap2 Tahun Baharu China penghuni2 di-sini menerima hadiah 'Ang Pow' daripada masyarakat China yang tinggal di-Daerah ini, tetapi saya rasa setakat itu belom memadai. Kalau Majlis Pusat Kebajikan Daerah Tampin telah menghulorkan bantuan \$20/- sa-bulan, penduduk2 di-sini patut-lah boleh menghulorkan bantuan sama ada berupa wang atau pun barang2 makanan yang berjumlah sekurang2-nya \$5/- sa-bulan tiap2 penghuni. Itu-lah harapan saya dan saya berharap sangat agar ahli2 Jawatankuasa Majlis ini akan mengambil langkah2 yang positif ka-arrah matlamat yang saya sebutkan tadi.

Dengan ini saya dengan sukachita merasmikan pembukaan Bilek Rehat dan Bachaan bagi Rumah Orang2 Tua Sukarela Tampin.